

**PENGGUNAAN DAN KEPUASAN APLIKASI
INSTAGRAM DALAM KALANGAN REMAJA DI
TAMAN SRI ONTOROS, KEMABONG.**

KERISHINE DANIL (BA19110632)



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN**

**IZAJAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL
(KOMUNIKASI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

PENGAKUAN

Saya Kerishine Danil mengaku bahawa latihan ilmiah yang bertajuk penggunaan dan kepuasan aplikasi Instagram dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong dengan menggunkan teori kegunaan dan kepuasan yang telah dibuat ini adalah dihasilkan dengan usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya saya nyatakan sumber.

12 Ogos 2022



A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Kerishine Danil', written over a horizontal line.

Kerishine Danil

BA19110632

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PEGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PENGGUNAAN DAN KEPUASAN APLIKASI INSTAGRAM DALAM KALANGAN REMAJA DI TAMAN SRI ONTOROS, KEMABONG.
IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (KOMUNIKASI)
BIDANG : KEWARTAWANAN DAN PENYIARAN

Saya **KERISHINE DANIL** sesi **2019/2020** mengaku membenarkan tesis Izajah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD




KERISHINE DANIL

BA19110632

Tarikh: 12 Ogos 2022

Disahkan Oleh, **ANITA BINTI ARSAD**

PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)


(Prof. Madya Dr. Lee Kuok Tiung)

Penyelia Utama

PENGHARGAAN

Saya berasa amat bersyukur kepada Tuhan kerana memberkati saya dengan memberikan kesihatan yang baik dan semangat yang kental dalam mengharungi setiap dugaan dalam menyiapkan thesis ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah saya iaitu Prof. Madya Dr. Lee Kuok Tiung kerana tidak pernah jemu dalam meluangkan masa, memberikan pandangan, memberikan tunjuk ajar, memberi teguran serta cadangan penambahbaikan dalam kajian thesis saya. Saya sangat menghargai dan sangat berterima kasih atas keprihatinan beliau kepada saya sepanjang latihan ilmiah ini dijalankan dan semoga jasa baik beliau dibalas oleh Tuhan yang Maha Kuasa. Justeru itu, segala teguran dan nasihat yang diberikan beliau akan saya jadikan sebagai panduan dan pembakar semangat agar saya mampu menghasilkan suatu kajian yang lebih baik berbanding yang sebelumnya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan terutamanya pensyarah dari Program Komunikasi atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang tiga tahun berada di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

Tidak lupa juga, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya kerana sentiasa memberikan sokongan dari segi kewangan, tenaga dan sokongan moral yang membolehkan saya menyelesaikan thesis ini.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu saya dalam menyempurnakan kajian dari segi memberikan maklumat dan pendapat dalam memudahkan saya menyiapkan thesis ini secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Kerishine Danil

12 Ogos 2022

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan penggunaan dan kepuasan aplikasi Instagram dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Kegunaan dan Kepuasan (*Uses and Gratifications Theory*), Antara objektif yang dikaji dalam kajian ini adalah mengenal pasti kekerapan, keperluan dan penggunaan serta menghuraikan kepuasan yang diperoleh melalui penggunaan instagram dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong. Kajian ini dilakukan terhadap 108 responden dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong yang berumur 13 tahun sehingga 18 tahun. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif berdasarkan hasil dapatan daripada soalan survei. Melalui hasil dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan objektif 1, menunjukkan bahawa tempoh kekerapan penggunaan responden dalam menggunakan aplikasi Instagram adalah tiada waktu yang spesifik hanya bergantung kepada individu itu sendiri untuk mengakses Instagram. Hal ini kerana, jumlah peratus yang diperolehi adalah 62% daripada 100%. Manakala, bagi soalan objektif 2 mendapati bahawa keperluan dan kepenggunaan aplikasi Instagram digunakan untuk menghilangkan rasa sunyi. Melalui dapatan kajian yang dilakukan, ini merupakan dapatan yang paling tinggi dengan memperoleh 61.6% daripada 100%. Manakala bagi objektif 3, kepuasan yang diperolehi daripada aplikasi Instagram menunjukkan responden sangat puas hati dan teruja untuk menggunakannya. Hal ini kerana, dapatan yang diperolehi mendapat peratus yang tinggi iaitu 63% daripada 100%. Selain itu, aplikasi Instagram turut memudahkan pengguna berkongsi maklumat seperti teks, gambar, video, audio, pautan laman web antara pengguna kepada pengguna yang lain.

Kata Kunci : Kegunaan, kepuasan, remaja, aplikasi, Instagram

ABSTRACT

THE USES AND GRATIFICATIONS OF INSTAGRAM APPLICATION AMONG TEENAGERS IN TAMAN SRI ONTOROS , KEMABONG.

This study is related to the uses and gratifications of the Instagram application among teenagers in Taman Sri Ontoros, Kemabong. The theory used in this study is Uses and Gratifications Theory. Among the objectives that being studied which are to identify the frequency, needs and uses also to describe the satisfaction obtained through the use of Instagram among teenagers in Taman Sri Ontoros, Kemabong. This study was conducted on 108 respondents among teenagers in Taman Sri Ontoros, Kemabong in a range aged of 13 to 18 years old. This study applying a quantitative research method based on the findings from the survey questions. Based on the results of the research obtained for objective 1, it shows that the period of frequency of use of the respondent in using the Instagram application is that no specific time because it's only depends on the individual itself to gain access on Instagram. This is because the total percentage obtained in this study is 62% out of 100%. Whereas, for objective question 2 found out that the needs and uses of the Instagram application is used to get rid of loneliness. Through the findings of the study, this is the highest finding with 61.6% out of 100%. While for objective 3, the satisfaction obtained from the Instagram application shows that respondents are very satisfied and excited to use it. This reason is, the results obtained have a high percentage of 63% out of 100%. In addition, the Instagram application also facilitates users to share information such as text, images, videos, audio, website links between needs to other users.

Keywords: Uses, gratifications, teenagers, applications, Instagram

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
TAJUK KAJIAN	
PENGAKUAN	I
PENGESAHAN	II
PENGHARGAAN	III
ABSTRAK	IV
<i>ABSTRACT</i>	V
ISI KANDUNGAN	VI-VIII
SENARAI JADUAL	X-XI
SENARAI RAJAH/FOTO	XII
SENARAI SINGKATAN	XIII
SIMBOL	XIV
BAB 1 PENDAHULUAN	
1. 1 Pengenalan	1-3
1.2 Latar Belakang	4-6
1.3 Permasalahan Kajian	6-7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Signifikan Kepentingan Kajian	9-10
1.8 Kesimpulan	10

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	11-12
2.2 Latar belakang (revolusi kajian berdasarkan teori U&G)	12-13
2.3 Sorotan Kajian	13-16
2.4 Teori Penggunaan dan Kepuasan (U&G)	17-18
2.5 Kerangka Teoritikal	19
2.5.1 Keperluan (Kognitif)	20
2.5.2 Keperluan (Afektif)	20
2.5.3 Keperluan Peribadi (Integratif)	20-21
2.5.4 Keperluan Sosial (Integratif)	21
2.5.5 Keperluan Melepaskan Perasaan (<i>escapist</i>)	21
2.5.6 Kepuasan	22-23
2.6 Kesimpulan	23

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	24-25
3.2 Kaedah Kajian	25-26
3.3 Reka Bentuk Kajian	27-28
3.4 Lokasi Kajian	28
3.5 Persampelan	28-29
3.6 Populasi Penyelidikan	30
3.7 Instrumen Kajian	30
3.7.1 Soal Selidik	30-31
3.8 Pengoperasian	31
3.8.1 Jantina	31

3.8.2 Umur	31
3.8.3 Tingkatan	31
3.8.4 Bangsa	31-32
3.8.5 Agama	32
3.8.6 Bahagian B	32
3.8.7 Bahagian C	32
3.8.8 Bahagian D	32
3.9 Kebolehpercayaan	33-34
3.10 Kesahan Kajian	35
3.11 Prosedur Analisis Kajian	35
3.12 Kaedah Analisis Data	35
3.12.1 Analisis Kekerapan	35
3.12.2 Analisis Deskriptif	35
3.12.3 Analisis Kebolehpercayaan	35-36
3.13 Kesimpulan	36

BAB 4: ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan	37
4.2 Analisis Data Soal Selidik	37
4.3 Bahagian A - Demografi Responden	37-43
4.4 Bahagian B - Tempoh Kekerapan Penggunaan Aplikasi Instagram Dalam Kalangan Remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong.	44-49
4.5 Bahagian C - Keperluan dan Penggunaan Aplikasi Instagram Dalam Kalangan Remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong.	50-62


4.6 Bahagian D - Kepuasan yang Diperoleh melalui Penggunaan Aplikasi Instagram Dalam Kalangan Remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong.	63-74
--	-------

BAB 5: PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan	75
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	75-76
5.2.1 Persoalan Kajian 1	76-77
5.2.2 Persoalan Kajian 2	77-78
5.2.3 Persoalan Kajian 3	79-80
5.3 Implikasi Kajian	80
5.4 Cadangan Untuk Kajian Masa Akan Datang	80-81
5.5 Kesimpulan	81

RUJUKAN

LAMPIRAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

TAJUK	HALAMAN
Jadual 3.2 : Skala Skor Min dan Interpretasi	26
Jadual 3.8: Interpretasi skor Alpha Cronbach	33-34
Jadual 3.12.3 Nilai Kebolehpercayaan	36
Jadual 4.3.1 Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden mengikut jantina	38
Jadual 4.3.2 Analisis dan kekerapan umur responden	38-39
Jadual 4.3.3 Tingkatan	39-40
Jadual 4.3.4 Bangsa	40-41
Jadual 4.3.5 Agama	42
Jadual 4.4.1 Sejak bila anda menggunakan aplikasi Instagram	44
Jadual 4.4.2 Kekerapan penggunaan aplikasi Instagram dalam tempoh seminggu.	45-46
Jadual 4.4.3 Tempoh masa yang diluangkan di aplikasi Instagram dalam sehari.	47
Jadual 4.4.4 Hari yang digunakan untuk mengakses aplikasi Instagram	48-49
Jadual 4.5 Pembahagian Tahap Min	50

Jadual 4.5.1 Mengkaji Keperluan Dan Penggunaan Instagram Dalam Kalangan Remaja Di Taman Sri Ontoros, Kemabong.	51-52
Jadual 4.5.2 Mengkaji Keperluan Dan Penggunaan Instagram Dalam Kalangan Remaja Di Taman Sri Ontoros, Kemabong.	56-58
Jadual 4.6.1 Kepuasan Yang Diperoleh Melalui Penggunaan Instagram Dalam Kalangan Remaja Di Taman Sri Ontoros, Kemabong.	63-65
Jadual 4.6.2 Kepuasan Yang Diperoleh Melalui Penggunaan Instagram Dalam Kalangan Remaja Di Taman Sri Ontoros, Kemabong.	68-70



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

TAJUK	HALAMAN
Rajah 1 : Model Teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G theory)	19
Rajah 2 :Persampelan data Responden	29



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- U&G** - **Users and Gratifications**
- SPSS** - **Statistical Package For The Social Science**
- STS** - **Sangat Tidak Setuju**
- ST** - **Sangat Setuju**
- TP** - **Tidak Pasti**
- S** - **Setuju**
- ST** - **Sangat Setuju**
- PK** - **Persoalan Kajian**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SIMBOL

μ	-	Min
Σ	-	Sisihan Piawai
N	-	Jumlah Keseluruhan
α	-	Cronbach Alpha
F	-	Kekerapan
%	-	Peratus



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Melalui era modenisasi ini, media merupakan salah satu teknologi yang kian pesat membangun serta mempunyai pembaharuan dalam setiap saat sama ada media cetak, media massa atau media teknologi (Normaliza Abd Rahim, 2014). Media sosial merupakan media yang digunakan secara atas talian yang mana ianya membolehkan semua pengguna berkongsi maklumat, mencipta blog sebagai rangkaian sosial serta menyertai forum secara atas talian dengan mudah tanpa batasan. Penggunaan media sosial oleh setiap generasi semakin meningkat kerana perkembangan teknologi yang semakin canggih dengan kewujudan pelbagai aplikasi (Anderson & Perrin, 2017). Malahan, media ini juga telah menjadi salah satu medium keperluan kepada semua lapisan masyarakat lebih-lebih lagi pada situasi pandemik Covid-19 yang menyebabkan semua perlu berada di rumah dan hanya keluar apabila perlu sehingga penggunaan media sosial amat perlu digunakan sebagai alat berhubung antara satu sama lain (Kaur & Sahdef, 2020). Hal ini demikian kerana, semua pergerakan dan aktiviti telah terbatas sehingga media sosial merupakan medium penting yang menjadi keperluan untuk berkomunikasi dan menyelesaikan kerja serta pelajaran agar semua berjalan dengan lancar sekaligus memudahkan urusan setiap individu.

Media sosial juga amat memainkan peranan penting dalam masyarakat moden kerana ia telah menjadi suatu bahagian yang penting dalam gaya hidup seseorang individu. Ianya secara tidak langsung telah mengubah cara interaksi dan kehidupan harian individu berkenaan sekaligus menjadikannya sebagai kaedah utama untuk berkomunikasi dalam masyarakat kontemporari. Bukan itu sahaja, masyarakat di seluruh dunia boleh berhubung melalui sebuah kumpulan laman secara atas talian yang disebut sebagai *Social Network Site* (SNS) atau laman sesawang sosial. Penggunaan SNS seperti instagram telah melampaui penggunaan

media tradisional seperti telefon, televisyen, radio dan media cetak seperti akhbar. Menurut Nasrullah (2015), jenis-jenis media sosial terdiri daripada Facebook, Twitter, Path, Instagram, Blog, dan Youtube serta secara keseluruhannya mempunyai keunggulan masing-masing.

Media sosial yang menjadi salah satu tarikan dalam kalangan masyarakat Malaysia pada masa kini adalah aplikasi Instagram. Menurut Puspitorini (2016), Instagram adalah layanan jejaring sosial yang berfungsi untuk berkongsi dan mengambil foto maupun video secara atas talian sehingga dapat berinteraksi antara rakan atau pengikut akaun tersebut. Walau bagaimanapun, media ini boleh menyebabkan implikasi yang negatif dalam diri seseorang individu sekiranya penggunaannya tidak dikawal dengan baik kerana ianya menyebabkan keruntuhan akhlak dan masalah sosial. Sohana (2016) mendapati kebiasaannya golongan remaja lebih terdedah dengan keruntuhan akhlak dan moral apabila menggunakan media sosial tanpa kawalan. Misalnya, golongan remaja ini mengakses maklumat yang tidak bermanfaat dan membazirkan masa dengan aktiviti seperti permainan atas talian dalam tempoh yang lama sehingga menyebabkan sesuatu tugas pelajaran atau kerja tertangguh dan terabai dengan begitu sahaja. Meskipun begitu, terdapat juga golongan remaja yang menggunakan media sosial dengan sebaiknya sebagai medium untuk aktiviti yang berfaedah seperti mencari dan mengakses maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran serta isu semasa yang berkaitan dengan ekonomi, politik, sosial, kesihatan dan keperluan yang lain. Penggunaan media sosial seperti begini secara langsung menggalakkan input dari segi ilmu dan pengetahuan kepada penggunaanya.

Menurut laporan berita daripada Portal Awani, jumlah pengguna Internet di negara ini wujud peningkatan kepada 25.08 juta pengguna yang mewakili 79 peratus penduduk di Malaysia. Berdasarkan daripada populasi pengguna tersebut, sebanyak 75 peratus pengguna memperuntukkan sekurang-kurangnya tiga jam sehari dalam mengakses dan menggunakan khidmat sosial di laman-laman sesawang tersebut. Selain itu, laporan tersebut juga mendedahkan jumlah pengguna internet mempunyai peningkatan sebanyak sembilan peratus berbanding tahun lalu, perkara ini telah menjadikan Malaysia menduduki tempat ke-9 dunia sebagai masyarakat

paling aktif di laman sosial (Astro Awani, 2018). Hal ini memperlihatkan rakyat Malaysia telah menjadikan media sosial sebagai sebahagian daripada aktiviti harian dalam hidup mereka.

Pada Januari data statistik menunjukkan pengguna *Facebook* di Malaysia adalah paling aktif sebanyak 70% dan *Youtube* adalah sebanyak 69% perbezaan hanya 1%. Manakala kadar pengguna *Instagram* pula berada di tahap ketiga tertinggi iaitu sebanyak 49%. Walaupun *Facebook* mendapat tahap pertama dalam pilihan pengguna tetapi dalam kajian kali ini lebih berfokus kepada *Instagram* kerana penggunaannya semakin menjadi pilihan lebih-lebih lagi dalam kalangan remaja. Lebih-lebih lagi penggunaan telefon pintar atau peranti mudah alih ini mudah untuk dibawa ke mana-mana, maka dengan itu penggunaan aplikasi *Instagram* turut meluas di setiap golongan khususnya remaja.

Oleh itu, fenomena jaringan sosial seperti aplikasi *Instagram* digunakan untuk berkomunikasi sesama mereka sama ada bagi tujuan pelajaran, hiburan atau saling berkongsi maklumat. Aplikasi *Instagram* ini juga dijadikan sebagai medium perbincangan oleh golongan remaja ini kerana sifatnya yang mudah dan pantas diakses semasa digunakan. Keadaan ini secara tidak langsung dijadikan sebagai alat komunikasi antara satu sama lain dan meninggalkan impak yang baik dengan merapatkan hubungan antara satu individu kepada individu lain kerana wujudnya komunikasi interpersonal melalui interaksi mereka meskipun secara maya atau atas talian. Secara keseluruhannya, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti corak penggunaan aplikasi *Instagram* sebagai medium komunikasi dan kepuasan individu dalam menggunakannya terutamanya dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong.

1.2 Latar Belakang

Media Sosial seperti Facebook, Telegram, Instagram, dan Twitter adalah bukti kecanggihan dalam pembangunan teknologi masa kini. Rentetan daripada kecanggihan tersebut masyarakat bebas untuk memilih aplikasi yang diinginkan yang mana ianya memberi kepuasan dan manfaat kepada mereka sebagai alat komunikasi dan penyampaian maklumat dengan mudah dan cepat.

Aplikasi Instagram telah ditubuhkan pada tahun 2010. Menurut Bergstrom & Backman (2013), ia adalah aplikasi mudah alih untuk telefon pintar yang boleh didapati secara percuma di *Apps Store* dan *Google Play*. Sejak diperkenalkan, aplikasi Instagram kini telah menjadi ikutan atau amalan yang sangat popular dalam kalangan masyarakat. Tambahan pula, rakyat Malaysia adalah merupakan pengguna Instagram paling aktif dirantau Asia Pasifik. Hal ini demikian kerana, peratusan pengguna aktif Instagram pada tahun 2015 di Malaysia meningkat dari 59 peratus populasi pengguna kepada 73 peratus berbanding tahun sebelumnya. Selain berfungsi sebagai aplikasi perkongsian foto, Instagram telah maju sebagai alat komunikasi dan pemasaran yang berkesan untuk memaparkan produk dengan penerangan visual. Oleh itu, ia menjadi platform rangkaian media sosial yang berguna kepada individu dan masyarakat.

Terdapat beberapa kajian lepas mengenai penggunaan dan kepuasan penggunaan aplikasi Instagram. Melalui kajian yang bertajuk tahap penggunaan aplikasi Instagram dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia. Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017), telah menunjukkan bahawa penggunaan Instagram dapat dilihat sebagai salah satu media sosial yang berjaya dalam menyebarkan bahan berbentuk cerita. Hal ini dikatakan demikian kerana, segala maklumat yang dikongsikan dalam Instagram mampu memudahkan pengguna merujuk dan membacanya pada bila-bila masa disebabkan kapsyen yang ditulis dalam sesebuah maklumat itu tidak terlalu panjang bahkan ianya dapat difahami dengan mudah.

Seterusnya, menurut Allya Cassandra Alim et. al (2014), penggunaan Instagram sering dikaitkan dan selalunya aplikasi yang digunakan sebagai menunjukkan seseorang itu mengalami kesunyian kemudian cenderung menggunakan laman rangkaian sosial untuk melahirkan perasaan, mencari perhatian, menunjukkan kemewahan kepada orang lain, dan berkemungkinan kurang kemahiran dalam komunikasi bersemuka oleh sebab seperti pemalu, perasaan gemuruh apabila berjumpa dan berkomunikasi dengan orang lain serta sebagainya.

Selain itu, penggunaan dan kepuasan aplikasi Instagram pernah dikaji oleh Atmoko (2012). Kajian tersebut bertajuk motif, penggunaan, sikap dan kepuasan terhadap Instagram. Melalui kajian itu, aplikasi Instagram dapat memberikan inspirasi kepada penggunanya dan juga dapat meningkatkan kreativiti, kerana Instagram mempunyai fitur kesan yang dapat membuat foto menjadi lebih jelas, lebih estetik dan menjadi lebih cantik.

Di samping itu, rangkaian sosial seperti aplikasi Instagram ini boleh menghubungkan seseorang dari perspektif yang positif mahupun negatif. Hal ini kerana, sikap seseorang dapat digambarkan melalui penulisan di dalam laman sosial. Menurut Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim (2017), mendapati bahawa media sosial merupakan salah satu cara dalam menyebarkan bahan kepada pengguna. Tambahan pula, pengguna media sosial tertarik dengan bahan yang boleh dibaca serta memberi faedah kepada mereka.

Akhir sekali, berdasarkan psikologi terdapat satu perspektif bagi mereka yang gemar menonjolkan diri di Instagram iaitu "*personality narcissism*" yang mana mereka percaya bahawa orang lain akan memberikan perhatian kepada mereka yang dikenali sebagai '*narcissism*'. Menurut Bergman et. al (2010), mendapati mereka yang tergolong dengan jenis ini merupakan golongan yang menginginkan orang lain tahu apa yang mereka lakukan, miliki dan berkongsi minat mereka dengan orang lain serta percaya bahawa orang lain juga berminat dengan apa yang mereka lakukan. Aplikasi Instagram yang menawarkan *stories* dalam aplikasi itu memudahkan mereka

yang gemar untuk berkongsi tentang dirinya, meluahkan perasaan dan sebagainya kepada orang lain setiap masa.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti corak penggunaan aplikasi Instagram sebagai medium komunikasi dan kepuasan individu dalam menggunakannya terutamanya dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong.

1.3 Permasalahan Kajian

Media sosial merupakan salah satu medium yang sering digunakan oleh semua masyarakat khususnya dalam kalangan remaja. Media sosial ini diaplikasikan dalam kehidupan untuk tujuan komunikasi. Menurut Daniel (2013), aplikasi Instagram ini telah dikhususkan untuk mengongsikan pengalaman individu kepada khalayak serta ianya serba sedikit terwujud sebahagian daripada perkembangan yang disebabkan oleh penggunaan pesat telefon mudah alih dengan adanya kamera yang berfungsi di tahap yang berteknologi tinggi dan berkualiti.

Selain itu, Menurut Bergstrom & Backman (2013), Instagram yang merupakan aplikasi mudah alih telefon pintar dan boleh diperoleh di *Apps Store* dan *Google Play* secara percuma. Justeru itu, aplikasi ini berfungsi sebagai aplikasi perkongsian gambar, video dan lain-lain. Instagram juga terus berkemungkinan sebagai alat komunikasi dan pemasaran yang berkesan untuk memaparkan produk dengan penerangan visual. Oleh itu, Instagram menjadi platform rangkaian media sosial yang berguna kepada individu dan masyarakat.

Penggunaan media sosial seperti Instagram membolehkan seseorang itu berinteraksi dengan sesiapa sahaja tanpa sempadan di seluruh dunia. Hal ini kerana, penggunaan Instagram menyebabkan seseorang individu boleh berkomunikasi dengan orang lain tanpa ada jurang waktu dan faktor geografi. Penggunaan laman sosial seperti aplikasi Instagram juga mampu menarik minat seseorang untuk berinteraksi antara satu sama lain sekaligus dapat mewujudkan pengguna itu

menjadi lebih aktif secara tidak langsung. Oleh itu, melalui perkara ini dapat dilihat pengguna laman sosial mampu meningkatkan hubungan antara rakan daripada pelbagai negara tanpa sempadan.

Di sebalik peningkatan tersebut, wujud kebimbangan yang diutarakan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia Kompleks E, Putrajaya 2016), iaitu Dr. Chen Chaw Min. Menurut Chen Chaw Min, keupayaan menghantar dan menerima maklumat dengan pantas turut tidak dapat menjamin kesahihan sesebuah maklumat yang akhirnya mungkin boleh menyebabkan penyalahgunaan maklumat terjadi dan akhirnya mengganggu ketenteraman awam.

Justeru itu, perkara ini merupakan satu cabaran besar yang dihadapi oleh pengguna Instagram yang mungkin terjejas dengan maklumat yang tidak sahih. Muhammad Hadi Bin Muhammad Melayong, Pejabat Sekreteriat Majlis Tertinggi, Melayu Islam Beraja (2018), menyatakan bahawa penyebaran berita palsu semakin sukar untuk dibendung dan semakin menular dalam kalangan masyarakat. Contohnya jenayah berita palsu berkaitan dengan wabak Covid-19 yang melanda negara Malaysia dimana banyak berita palsu yang berkaitan peningkatan Covid-19 serta jangkitan yang berlaku sehingga menimbulkan kegusaran dalam kalangan rakyat di Malaysia.

Bukan itu sahaja, Menurut Sumber Sinar Harian, (12 May 2019), penggunaan Instagram ini juga boleh menyebabkan masyarakat obses atau sentiasa memberikan penumpuan malah ghairah terhadap penggunaan media sosial dalam kehidupan seharian. Hal ini disebabkan penggunaan aplikasi Instagram yang mengalami kadar peningkatan pengguna saban tahun sebagai rangkaian sosial untuk menyebarkan dan mengongsikan maklumat. Dalam pada itu, Instagram juga digunakan sebagai alat untuk berinteraksi dengan orang ramai. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan seseorang individu dapat berkenalan bersama pengguna Instagram yang lain dengan lebih dekat melalui gambar atau video yang telah dimuat naik.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji adalah :

1. Apakah kekerapan penggunaan instagram dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong ?
2. Apakah keperluan dan penggunaan instagram dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong ?
3. Apakah kepuasan yang diperoleh melalui penggunaan instagram dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong ?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan setiap kajian yang dilakukan semestinya mempunyai objektif agar kajian yang dilaksanakan mempunyai hala tuju yang betul. Selain itu, tujuan kajian ini dilaksanakan dan semua ini hendaklah terjawab di akhir kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji.

Antara objektif kajian ini adalah :

1. Mengenal pasti kekerapan penggunaan instagram dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong.
2. Mengkaji keperluan dan penggunaan instagram dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong.
3. Menghuraikan kepuasan yang diperoleh melalui penggunaan instagram dalam kalangan remaja di Taman Sri Ontoros, Kemabong.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian merupakan salah satu bahagian yang penting dalam sesebuah kajian bagi memastikan kajian yang dilakukan tidak tersasar jauh. Melalui kajian ini, skop kajian ini difokuskan kepada 150 orang remaja yang menetap di Taman Sri Ontoros, Kemabong bagi melihat sejauh mana penggunaan dan kepuasan dalam menggunakan aplikasi Instagram sebagai media sosial untuk berkomunikasi. Kajian ini memfokuskan berkaitan penggunaan media sosial Instagram dan kesan pengaruhnya sama ada memberi kepuasan ataupun sebaliknya sebagai medium komunikasi dalam kehidupan seorang remaja. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai kaedah utama dalam memperolehi data yang sesuai berdasarkan objektif penyelidikan bagi memperoleh data dalam kajian ini.

1.7 Signifikan Kepentingan Kajian

Melalui era perkembangan teknologi di negara ini, media sosial juga merupakan aspek penting yang berkembang seiring dengan negara membangun. Media sosial merupakan platform yang digunakan dalam penyampaian maklumat dan merupakan alat komunikasi diantara seseorang individu dengan individu yang lain. Penggunaan media sosial ini bergantung kepada kebijaksanaan seseorang individu dalam menggunakan media sosial ini sama ada kearah kebaikan ataupun keburukan yang hanya mendatangkan kepentingan kepada diri sendiri tanpa memikirkan kesan terhadap orang lain. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk membantu pengkaji lain dalam meningkatkan pemahaman berkaitan dengan penggunaan media sosial terutamanya Instagram sebagai alat komunikasi dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja.

Di samping itu, setiap kajian yang dilakukan mempunyai motif-motif tertentu untuk kepentingan kajian. Melalui aspek pendidikan, penggunaan aplikasi Instagram ini boleh digunakan untuk menyampaikan berita yang penting dan terkini kepada masyarakat setempat. Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat membantu pihak-pihak terlibat menilai tahap penggunaan Instagram sebagai satu landasan bagi membantu meningkatkan komunikasi sama ada bertujuan untuk mendapatkan maklumat atau kepentingan peribadi.